



28 Ogos 2023  
28 August 2023  
P.U. (A) 255

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH PERKAPALAN DAGANG  
(PERATURAN-PERATURAN PELANGGARAN)  
(PINDAAN) 2023

*MERCHANT SHIPPING (COLLISION REGULATIONS)  
(AMENDMENT) ORDER 2023*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

ORDINAN PERKAPALAN SAUDAGAR 1952

PERINTAH PERKAPALAN DAGANG (PERATURAN-PERATURAN PELANGGARAN)  
(PINDAAN) 2023

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 252 Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 [*Ord. 70/52*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perkapalan Dagang (Peraturan-Peraturan Pelanggaran) (Pindaan) 2023**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 29 Ogos 2023.

**Pindaan Jadual**

2. Perintah Perkapalan Dagang (Peraturan-Peraturan Pelanggaran) 1984 [*P.U. (A) 438/1984*] dipinda dalam Jadual—

(a) dalam BAHAGIAN A—AM, dalam Kaedah 3—

(i) dalam perenggan (a), dengan memasukkan selepas perkataan “kraf tanpa sesaran” perkataan “, kraf *Wing-In-Ground (WIG)*”; dan

(ii) dengan memasukkan selepas perenggan (l) perenggan yang berikut:

“(m) Istilah “kraf *Wing-In-Ground (WIG)*” ertinya suatu kraf pelbagai mod, yang ketika dalam mod operasi utamanya, terbang dekat dengan permukaan dengan menggunakan kesan tindakan permukaan.”;

- (b) dalam BAHAGIAN B—KAEDAH-KAEDAH MENGENAL DAN BELAYAR—
- (i) dalam Seksyen I—Perlakuan Vesel Dalam Apa Jua Keadaan Kenampakan, dalam Kaedah 8, dalam perenggan (g), dengan menggantikan perkataan “sesuatu vesel yang mana laluan tidak menghalang laluan atau laluan selamat vesel lain” dengan perkataan “sesuatu vesel yang dikehendaki tidak menghalang laluan atau laluan selamat vesel lain”; dan
  - (ii) dalam Seksyen II—Perlakuan Vesel Yang Boleh Kelihatan Antara Satu Sama Lain, dalam Kaedah 18, dengan memasukkan selepas perenggan (e) perenggan yang berikut:

“(f) Suatu kraf WIG hendaklah—

- (i) apabila berlepas, mendarat dan terbang dekat dengan permukaan, berada jauh daripada semua vesel lain bagi mengelakkan daripada menghalang navigasi mereka; dan
- (ii) apabila beroperasi di permukaan air, mematuhi kaedah-kaedah Bahagian ini sebagai vesel pacuan kuasa.”;

- (c) dalam BAHAGIAN C—LAMPU ISYARAT DAN ISYARAT BENTUK—

- (i) dalam Kaedah 23, dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

“(ba) Suatu kraf WIG apabila berlepas, mendarat atau dalam penerbangan berhampiran permukaan, hendaklah, sebagai tambahan kepada lampu yang ditetapkan dalam perenggan (a) Kaedah ini,

mempamerkan lampu cahaya berkeliling merah berkeamatan tinggi yang berkelip.”; dan

(ii) dalam Kaedah 31—

(A) dalam tajuk, dengan menggantikan perkataan “Kapal Terbang Laut” dengan perkataan “Kapal Terbang Laut dan Kraf WIG”; dan

(B) dengan menggantikan perkataan “kapal terbang laut” dengan perkataan “kapal terbang laut atau kraf WIG”;

(d) dalam BAHAGIAN D—ISYARAT DAN LAMPU—

(i) dalam Kaedah 33, dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “wisel dan loceng” dengan perkataan “wisel, vesel yang panjangnya 20 meter atau lebih hendaklah disediakan dengan loceng sebagai tambahan kepada wisel”; dan

(ii) dalam Kaedah 35, dengan memasukkan selepas perenggan (h) perenggan yang berikut:

“(ha) Vesel yang panjangnya antara 12 meter sehingga 20 meter —

(i) tidak berkewajipan untuk memberi isyarat loceng yang dinyatakan dalam perenggan (g) dan (h) Kaedah ini; dan

(ii) hendaklah membuat isyarat bunyi lain yang efisien pada selang masa yang tidak melebihi 2 minit.”; dan

(e) dalam KEPILAN IV—ISYARAT KECEMASAN—

(i) dalam seksyen 1—

(A) dalam perenggan (d), dengan menggantikan perkataan “radiotelegraf atau dengan apa-apa cara isyarat lain” dengan perkataan “apa-apa isyarat”;

(B) dengan menggantikan perenggan (l) dengan perenggan yang berikut:

“(l) amaran kecemasan dengan cara panggilan selektif digital (DSC) yang dihantar melalui:

(i) VHF saluran 70; atau

(ii) MF/HF pada frekuensi 2187.5 kHz, 8414.5 kHz, 4207.5 kHz, 6312 kHz, 12577 kHz atau 16804.5 kHz;” dan

(C) dengan menggantikan perenggan (m) dengan perenggan yang berikut:

“(m) amaran kecemasan dari kapal ke darat yang dihantar oleh Pertubuhan Satelit Bergerak Antarabangsa (INMARSAT) kapal atau stesen bumi kapal penyedia perkhidmatan satelit bergerak yang lain;” dan

- (ii) dalam seksyen 3, dengan menggantikan perkataan “Isyarat Kod Antarabangsa, Buku Panduan Mencari dan Menyelamat Kapal Dagang serta isyarat berikut” dengan perkataan “Manual Mencari dan Menyelamat Aeronautik dan Maritim Antarabangsa, Jilid III dan isyarat yang berikut”.

Dibuat 24 Ogos 2023

[MOT.BM(S).1/1/7 (13); PN(PU2)199/XXX]

LOKE SIEW FOOK  
*Menteri Pengangkutan*

MERCHANT SHIPPING ORDINANCE 1952

MERCHANT SHIPPING (COLLISION REGULATIONS) (AMENDMENT) ORDER 2023

IN exercise of the powers conferred by section 252 of the Merchant Shipping Ordinance 1952 [*Ord. 70/52*], the Minister makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Merchant Shipping (Collision Regulations) (Amendment) Order 2023**.

(2) This Order comes into operation on 29 August 2023.

**Amendment of Schedule**

2. The Merchant Shipping (Collision Regulations) Order 1984 [*P.U. (A) 438/1984*] is amended in the Schedule—

(a) in PART A—GENERAL, in Rule 3—

(i) in paragraph (a), by inserting after the words “non-displacement craft” the words “, *Wing-In-Ground* (WIG) craft”; and

(ii) by inserting after paragraph (l) the following paragraph:

“(m) The term “*Wing-In-Ground* (WIG) craft” means a multimodal craft which, in its main operational mode, flies in close proximity to the surface by utilizing surface-effect action.”;

(b) in PART B—STEERING AND SAILING RULES—

(i) in Section I—Conduct of Vessels In Any Condition of Visibility, in Rule 8, in paragraph (g), by substituting for the words “A vessel the passage of which not to be impeded the passage or safe passage

of another vessel” the words “A vessel which is required not to impede the passage or safe passage of another vessel”; and

- (ii) in Section II—Conduct of Vessels In Sight of One Another, in Rule 18, by inserting after paragraph *(e)* the following paragraph:

*(f)* A WIG craft shall—

- (i) when taking off, landing and in flight near the surface, keep well clear of all other vessels to avoid impeding their navigation; and

- (ii) when operating on the water surface, comply with the rules of this Part as a power-driven vessel.”;

- (c) in PART C—LIGHTS AND SHAPES—

- (i) in Rule 23, by inserting after paragraph *(b)* the following paragraph:

*(ba)* A WIG craft when taking off, landing and in flight near the surface, shall, in addition to the lights prescribed in paragraph *(a)* of this Rule, exhibit a high intensity all-round flashing red light.”; and

- (ii) in Rule 31—

- (A) in the title, by substituting for the word “Seaplanes” the words “Seaplanes and WIG Craft”; and

- (B) by substituting for the word “seaplane” the words “seaplane or WIG craft”;

(d) in PART D—SOUND AND LIGHT SIGNALS—

- (i) in Rule 33, in paragraph (a), by substituting for the words “a whistle and bell” the words “a whistle, a vessel of 20 metres or more in length shall be provided with a bell in addition to a whistle”; and
- (ii) in Rule 35, by inserting after paragraph (h) the following paragraph:

“(ha) A vessel with a length of 12 metres to 20 metres—

- (i) shall not comply with the bell signals specified in paragraphs (g) and (h) of this Rule; and
- (ii) shall make some other efficient sound signal at intervals of not more than 2 minutes.”; and

(e) in ANNEX IV—DISTRESS SIGNALS—

(i) in section 1—

(A) in paragraph (d), by substituting for the words “radiotelegraphy or by any other signaling” the words “any signaling”;

(B) by substituting for paragraph (l) the following paragraph:

“(l) a distress alert by means of digital selective calling (DSC) transmitted through:

- (i) VHF channel 70; or

- (ii) MF/HF on the frequencies 2187.5 kHz, 8414.5 kHz, 4207.5 kHz, 6312 kHz, 12577 kHz or 16804.5 kHz;” and

(C) by substituting for paragraph *(m)* the following paragraph:

“*(m)* a ship-to-shore distress alert transmitted by the International Mobile Satellite Organisation (INMARSAT) of the ship or other mobile satellite service provider ship earth station;” and

- (ii) in section 3, by substituting for the words “International Code of Signals, the Merchant Ship Search and Rescue Manual and the following signals” the words “Manual of International Aeronautical and Maritime Search and Rescue Manual, Volume III and the following signals”.

Made 24 August 2023

[MOT.BM(S).1/1/7 (13); PN(PU2)199/XXX]

LOKE SIEW FOOK  
*Minister of Transport*